

28/05/2005

Mahathir-Kelulusan

DR MAHATHIR GESA KELULUSAN PROJEK DIBUAT DENGAN CEPAT

LANGKAWI, 28 Mei (Bernama) -- Setiap kelewatan sesuatu projek adalah merugikan, sehubungan itu bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa supaya setiap pihak terbabit dalam pembangunan projek mempercepat segala proses berkaitan.

Beliau berkata kelewatan meluluskan sesuatu projek boleh menyebabkan projek berkenaan lambat beroperasi dan keadaan kelambatan itu boleh menyebabkan kos semakin meningkat.

"Dalam meluluskan pelan misalnya, sekiranya pelan itu sudah cantik, luluskan sahaja, tidak perlu mengarahkan diubahsuai lagi pelan berkenaan kerana untuk mengubahsuai itu, ia akan melambatkan kemajuan projek," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan tambahan Underwater World Langkawi di Pantai Chenang di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata apabila agensi berkaitan cepat dalam meluluskan sesuatu projek, ia bermakna projek itu dapat dimulakan dengan cepat serta disiapkan dengan segera, menjimatkan kos serta turut memberi faedah kepada ekonomi negara secara tidak langsung.

Mengenai pembangunan di Langkawi pula, Dr Mahathir berkata beberapa projek pelancongan bakal dilaksanakan dalam usaha menjadikan pulau legenda itu sebagai destinasi pelancongan utama di negara ini.

Katanya antara projek dalam perancangan adalah Kampung Kebudayaan Siam di Pasir Hitam yang mempunyai hotel dan infrastruktur lain yang bercirikan masyarakat Siam serta kawasan rekreasi air di Lubuk Semilang, berdekatan Kampung Buku yang ada sekarang.

Bangunan baru Underwater World itu yang dibuka kepada pengunjung mulai hari ini, menempatkan tempat pameran penguin, yang bakal menjadi satu lagi tarikan pengunjung ke tempat pameran hidupan laut terbesar di negara ini.

Selain itu bangunan baru itu juga menempatkan haiwan tropika, antaranya ular besar dari Amazon, anaconda serta panggung tiga dimensi (3D) yang boleh memuatkan 200 penonton.

Dr Mahathir berkata pembukaan pameran penguin itu adalah satu usaha yang sangat baik kerana ia membawa haiwan yang tinggal di kawasan beriklim sejuk ke negara ini.

"Tidak semua orang mampu ke Antartika untuk menyaksikan penguin, pameran itu ibarat membawa Antartika ke tempat kita," katanya.

-- BERNAMA

MZM KHY